

Matrix catat untung bersih RM57.24 juta

Kuala Lumpur: Matrix Concepts Holdings Bhd mencatatkan keuntungan bersih yang lebih tinggi sebanyak RM57.24 juta pada suku ketiga berakhir 31 Disember 2023 (suku ketiga tahun kewangan 2024) daripada RM54.37 juta yang dicatatkan dalam tempoh sama, tahun sebelumnya.

Hasil berkurangan 18.6 peratus kepada RM295.98 juta daripada RM363.81 juta sebelumnya, terutamanya disebabkan sumbangan lebih rendah daripada segmen pembangunan harta tanah, kata syarikat itu dalam makluman kepada Bursa Malaysia, Jumaat lalu.

Ia berkata, segmen itu merosot 19.1 peratus disebabkan ketiadaan sumbangan hasil daripada aktiviti pembangunan harta tanah Australia dan Lembah Klang kumpulan itu berikutan penyiapan projek M Greenvale dan The Chambers pada ta-

hun sebelumnya.

Bagi tempoh sembilan bulan berakhir 31 Disember 2023 (tahun kewangan 2023), pemaju harta tanah itu mencatatkan keuntungan bersih lebih tinggi RM185.87 juta berbanding RM151.98 juta dalam tempoh sama tahun lepas, manakala hasil meningkat kepada RM986.76 juta berbanding RM815.42 juta sebelumnya.

Mengenai prospek, kumpulan itu berkata, ia bersedia pertumbuhan berterusan, didorong beberapa faktor utama, termasuk permintaan untuk penawaran harta tanahnya projek utama, Sendayan Developments.

“Kumpulan optimistik dengan berhati-hati untuk mempercepatkan pemulihan pengiktirafan hasil, disokong oleh rekod prestasi yang cemerlang dalam meningkatkan aktiviti pembinaan,” katanya.